

10/12/1999

Belanjawan 2000 dibentang semula

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Mesyuarat Penggal Pertama Parlimen Ke-10 dijangka berlangsung pada minggu ketiga bulan ini bagi membolehkan Rang Undang-undang Perbekalan 2000 (Belanjawan 2000) dibentang semula.

Kelulusan rang undang-undang itu perlu diperolehi segera bagi membolehkan urusan pengurusan dan pentadbiran kerajaan diteruskan menjelang alaf baru.

Difahamkan, Parlimen hanya menunggu permintaan kerajaan baru untuk menjadualkan persidangan penggal pertama Parlimen ke-10 itu yang akan dimulakan dengan upacara angkat sumpah oleh semua Ahli Parlimen.

Bagaimanapun, Parlimen memerlukan beberapa hari untuk memberitahu semua ahli terbabit, memandangkan ramai muka baru terpilih pada pilihan raya lalu.

Selain itu, tempat duduk Ahli Parlimen dari Barisan Nasional (BN) dalam dewan belum boleh ditetapkan kerana senarai baru Kabinet hanya akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Semalam, mesyuarat parti pembangkang mengumumkan pelantikan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, sebagai Ketua Pembangkang yang baru menggantikan Pengerusi DAP, Lim Kit Siang yang tewas.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, Dewan Rakyat tidak perlu bersidang dalam tempoh 120 hari selepas pembubarannya. Parlimen dibubarkan pada 11 November lalu.

Belanjawaan 2000 dibentangkan 29 Oktober lalu oleh Menteri Kewangan Pertama, Tun Daim Zainuddin, tetapi tidak sempat diluluskan berikutan pembubaran Parlimen.

Kerajaan Barisan Nasional, bagaimanapun, berjanji membentangkan belanjawan yang sama jika sekali lagi diberi mandat untuk memerintah negara.

Menurut Speaker Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail Zahir, semua rang undang-undang yang diluluskan pada persidangan lalu yang bermula 18 Oktober lalu, perlu dibentang dan dibahaskan semula kerana belum diluluskan Dewan Negara.

Antara Rang undang-undang itu ialah Rang Undang-undang Kanak-kanak 1999, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999, Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No 2) 1999, Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam (Pembubaran) 1999 dan Rang Undang-undang Jualan Dadah (Pindaan) 1999.

Persidangan Dewan Rakyat lalu sepatutnya berakhir pada 9 Disember sementara Dewan Negara pula dijangka bersidang mulai 6 hingga 16 Disember ini.

(END)